



MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

PROSEDUR KKP (OPERASI)

NO. DOKUMEN: PO - KKP - MBIP - 038

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP, TEBANG DAN CANTAS POKOK

Disedikan Oleh:

(AZIZUL JABAR BIN ISMAIL @ ABD MALEK)
b.p Pengarah
Jabatan Landskap
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Disemak Oleh:

(SHAHRULIZAM BIN ABDUL RASHID)
Timbalan Setiausaha
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Diluluskan Oleh:

(DATO' HAJI MOHD HAFFIZ BIN HAJI AHMAD)
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI
JALAN MEDINI SENTRAL 9
BANDAR MEDINI ISKANDAR
79250 ISKANDAR PUTERI
JOHOR, MALAYSIA



REKOD PINDAAN

[illegible]

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 7.4.2024
		NO. PINDAAN : 00
PO-KKP-MBIP-038	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP, TEBANG DAN CANTAS POKOK	MUKA SURAT : 3 drp. 12

1.0 SKOP

- 1.1 Prosedur ini hendaklah diguna pakai untuk pengurusan kerja-kerja penyelenggaraan landskap, tebang dan cantas pokok.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Untuk mewujudkan, melaksanakan dan mengekalkan prosedur kerja-kerja penyelenggaraan landskap, tebang dan cantas pokok.

3.0 PERANAN, TANGGUNGJAWAB DAN KUASA

- 3.1 Pegawai berkenaan hendaklah bertanggungjawab memastikan pengurusan kerja-kerja penyelenggaraan landskap, tebang dan cantas pokok dijalankan dengan selamat.

4.0 TERMA DAN DEFINISI

4.1 MBIP

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

4.2 DB

Datuk Bandar

4.3 SU

Setiausaha

4.4 TSU

Timbalan Setiausaha

4.5 JKK MBIP

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan **MBIP**

4.6 MS

Malaysian Standard

4.7 ISO

International Organization for Standardization

4.8 KKP

Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 7.4.2024
		NO. PINDAAN : 00
PO-KKP-MBIP-038	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP, TEBANG DAN CANTAS POKOK	MUKA SURAT : 4 drp. 12

4.9 SPKKP

Sistem Pengurusan KKP

4.10 MKKP

Manual KKP

4.11 PP-KKP

Prosedur Pengurusan KKP

4.12 PO-KKP

Prosedur Operasi KKP

4.13 Pengurusan Atasan

Orang atau kumpulan orang yang mengarahkan dan mengawal sesebuah organisasi pada peringkat tertinggi. Pengurusan atasan **MBIP** adalah DB dan SU.

NOTA 1 untuk entri: Pengurusan atasan mempunyai kuasa untuk mewakili kuasanya dan menyediakan sumber dalam organisasi, dengan syarat tanggungjawab utama bagi SPKKP dikekalkan.

NOTA 2 untuk entri: Jika skop sistem pengurusan hanya merangkumi sebahagian daripada organisasi, pengurusan atasan merujuk mereka yang mengarahkan dan mengawal bahagian organisasi tersebut.

NOTA 3 untuk entri: Perkataan ini merupakan salah satu daripada istilah biasa dan takrif teras untuk standard sistem pengurusan ISO yang diberikan dalam *Annex SL, Consolidated ISO Supplement to the ISO/IEC Directives, Part 1*. Nota 1 untuk entri telah diubah suai untuk menjelaskan tanggungjawab pengurusan atasan berhubung dengan sistem pengurusan KKP.

4.14 Pegawai Berkenaan

Orang atau kumpulan orang yang mengetuai atau bertanggungjawab dalam Pejabat / Jabatan / Unit masing-masing.

4.15 Warga Kerja

Kakitangan / pekerja **MBIP**.

4.16 Kontraktor

Adalah mereka yang dilantik menjalankan kerja di bawah penyeliaan **MBIP**.

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 7.4.2024
		NO. PINDAAN : 00
PO-KKP-MBIP-038	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP, TEBANG DAN CANTAS POKOK	MUKA SURAT : 5 drp. 12

5.0 PROSEDUR

5.1 Peraturan Asas Keselamatan

- 5.1.1 Pegawai berkenaan perlu mendidik warga kerja bagaimana untuk menggunakan peralatan tebang dan pemangkasan dengan selamat dan betul.
- 5.1.2 Pegawai berkenaan perlu memastikan semua warga kerja yang terlibat memahami dan mahir dalam melaksanakan kerja tebang dan pemangkasan serta mengetahui risiko keselamatan dalam melaksanakan kerja.
- 5.1.3 Pegawai berkenaan perlu menyediakan khidmat latihan dan kursus berkaitan dengan kerja lapangan yang berkaitan dengan kerja tebang dan pemangkasan dan dapat menjalankan cara kerja yang selamat.

5.2 Pastikan Peralatan Dalam Keadaan Baik

- 5.2.1 Semua peralatan perlu diperiksa secara berkala sebelum digunakan. Penyelia perlu memastikan alatan kerja dan mesin terlibat mempunyai rekod penyelenggaraan dan telah diketahui berada dalam kondisi yang terbaik sebelum membawa ke tempat kerja.
- 5.2.2 Pegawai berkenaan yang menjaga peralatan dan warga kerja yang menggunakan peralatan tebang dan pemangkasan semasa bekerja perlu dilatih bagaimana untuk menggunakan dan memeriksa peralatan dengan cara yang betul.
- 5.2.3 Peralatan yang telah diketahui rosak tidak sepatutnya digunakan sehingga ianya dibaiki dan mematuhi spesifikasi daripada pengeluar.
- 5.2.4 Kesemua alatan termasuk mesin, perkakasan tangan, kenderaan *skylift* dan kenderaan lain yang terlibat perlu diperiksa secara kerap dan mempunyai trek rekod penyelenggaraan yang konsisten.

5.3 Pemangkasan Menggunakan *Skylift*

- 5.3.1 Melaksanakan kerja pemangkasan menggunakan *skylift* boleh mengakibatkan kecederaan dan kematian sama ada kepada warga kerja yang menaiki *skylift* dan juga orang di sekitarnya.
- 5.3.2 Pegawai berkenaan perlu memastikan minimum hanya dua (2) orang sahaja yang boleh menaiki *skylift* pada satu-satu masa bergantung kepada keupayaan sesebuah *skylift* dan merujuk kepada Manual Pengendalian *skylift*.

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 7.4.2024
		NO. PINDAAN : 00
PO-KKP-MBIP-038	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP, TEBANG DAN CANTAS POKOK	MUKA SURAT : 6 drp. 12

5.3.3 Pegawai berkenaan perlu memastikan dan menyediakan warga kerja dengan latihan, ujian dan panduan dalam pengendalian *skylift* dan hanya memberikan kebenaran kepada warga kerja yang bertauliah sahaja untuk menengendalikannya.

5.3.4 Pegawai berkenaan dan warga kerja yang terlibat dalam mengendali dan menaiki *skylift* perlu memahami situasi dan risiko bahaya semasa menggunakan jentera tersebut.

5.3.5 Sebelum memulakan kerja dengan menggunakan *chainsaw* di atas *skylift*, warga kerja perlu membuang terlebih dahulu dahan dan ranting kecil dengan menggunakan gergaji tangan.

5.3.6 Tali keselamatan perlu digunakan semasa menaiki *skylift* untuk memastikan warga kerja yang melakukan kerja pemangkasan tidak terjatuh yang boleh menyebabkan kecederaan atau kematian.

5.3.7 Dahan bersaiz besar perlu diikat terlebih dahulu kepada pokok atau dahan yang kukuh sebelum melakukan pemotongan ini memastikan dahan pokok yang telah dipotong tidak terus jatuh ke tanah. Pembantu perlu menurunkan dahan tersebut secara perlahan dan memastikan tiada halangan di bahagian bawah pokok.

5.3.8 Warga kerja perlu memastikan bahagian pokok tidak terlalu berat dan diluar keupayaan untuk mengangkat.

5.3.9 Pembantu perlu memegang hujung dahan pada tali semasa kerja pemotongan dilakukan bagi memudahkan kerja.

5.3.10 Warga kerja perlu memastikan dahan pokok tidak diturunkan sehinggalah mesin *chainsaw* dimatikan terlebih dahulu.

5.3.11 Warga kerja perlu memastikan mesin *chainsaw* tidak dihidupkan di dalam ruangan 'cradle' atau bakul *skylift* kerana ruang yang terhad.

5.4 Keselamatan Umum Kerja Tebang dan Pemangkasan

5.4.1 Pegawai berkenaan dan warga kerja perlu berhati-hati melaksanakan kerja semasa cuaca hujan kerana boleh menyebabkan kemalangan seperti permukaan tanah atau jalan yang licin. Keadaan angin kencang juga boleh menyebabkan dahan pokok yang dipotong jatuh ke tempat yang tidak sepatutnya akibat daripada tiupan angin.

5.4.2 Warga kerja perlu memastikan kawasan kerja bebas daripada sebarang halangan seperti tunggul kayu, akar pokok, batu, dahan pokok dan pokok tumbang.

5.4.3 Memastikan halangan seperti lubang dan parit diberi perhatian semasa melakukan kerja.

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 7.4.2024
		NO. PINDAAN : 00
PO-KKP-MBIP-038	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP, TEBANG DAN CANTAS POKOK	MUKA SURAT : 7 drp. 12

- 5.4.4 Warga kerja perlu memberi perhatian yang lebih semasa melakukan kerja di tempat yang sukar seperti di tepi jalan, kawasan bercerun dan di tapak yang tidak rata.
- 5.4.5 Pastikan mesin *chainsaw* dimatikan terlebih dahulu sebelum perpindah lokasi dari satu tempat kerja ke tempat kerja yang lain.
- 5.4.6 Sekiranya warga kerja tidak pasti tentang tahap keselamatan di suatu tempat kerja dan berasa sukar atau tidak selamat seperti hakangan kabel elektrik, sarang tebuhan atau memerlukan pertolongan, pastikan halangan tersebut pindah atau dibuang terlebih dahulu sebelum memulakan kerja.
- 5.4.7 Memastikan dahan pokok yang hendak dipotong bebas dari sebarang objek keras seperti batu dan paku kerana objek keras seperti ini akan mengakibatkan '*reactive force*' yang boleh mengakibatkan *chainsaw* melantun kepada pengendalinya.
- 5.4.8 Warga kerja perlu berhati-hati semasa melakukan kerja memotong sisa dahan kepada bahagian yang lebih kecil kerana dahan pokok masih menyimpan tenaga anjalnya.
- 5.4.9 Pastikan keadaan anggota badan dalam keadaan selesa dan seimbang semasa melakukan kerja pemotongan terutama dengan menggunakan mesin *chainsaw*.
- 5.4.10 Warga kerja perlu memahami daya tarikan dan tolakan (*reactive forces*) mesin *chainsaw* semasa melakukan kerja pemotongan. Apabila memotong dengan atas mata rantai, daya tekanan akan dikenakan dan semasa memotong dengan bahagian bawah mata rantai daya tarikan akan dikenakan.
- 5.4.11 Warga kerja perlu bersedia dengan daya tarikan dan tolakan ini. Pastikan mesin *chainsaw* dipegang dengan mantap dan kukuh. Jangan menggunakan mesin *chainsaw* dengan sebelah tangan.
- 5.4.12 Semasa menumbangkan pokok (*Boring Cut*, warga kerja / kontraktor perlu mengikuti langkah keselamatan berikut:
- 5.4.12.1 Memulakan pemotongan dengan menggunakan bahagian bawah 'guide bar' sehingga potongan mencapai saiz sama dengan kelebaran 'guide bar' tersebut dengan cara ini tindakbalas 'kickback' yang berbahaya dapat dikurangkan.
- 5.4.12.2 Dengan menggunakan kuasa penuh dikenakan pada chain saw, selarikan 'guide bar' kearah potongan dan kenakan tekanan kedalam teras pokok.

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 7.4.2024
		NO. PINDAAN : 00
PO-KKP-MBIP-038	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP, TEBANG DAN CANTAS POKOK	MUKA SURAT : 8 drp. 12

5.4.12.3 Teruskan potongan dari teras ke arah luar pokok.

5.4.13 Pegawai berkenaan perlu memastikan warga kerja / kontraktor perlu mendapatkan borang latihan dan kemahiran yang secukupnya untuk menjalankan teknik 'Boring Cut'.

5.4.14 Menebang pokok perlu mengikuti langkah keselamatan berikut:

5.4.14.1 Pegawai berkenaan dan warga kerja / kontraktor perlu memastikan jatuhan akhir pokok jauh dari kabel, halangan, harta awam dan juga tidak merosakkan pokok bersebelahan.

5.4.14.2 Memastikan keadaan fizikal pokok seperti ketinggian, bentuk silara, arah angin dan halangan.

5.4.14.3 Pegawai dan warga kerja / kontraktor perlu memastikan bebas daripada dahan mati atau reput dan memastikan kemungkinan-kemungkinan yang berlaku sebelum memulakan kerja.

5.4.15 Pegawai berkenaan dan warga kerja perlu memindahkan halangan seperti haiwan, kereta, kabel dan membersihkan belukar sebelum memulakan kerja.

5.4.16 Pegawai berkenaan perlu memastikan warga kerja / kontraktor mempunyai kemahiran dalam melaksanakan kerja 'notching' dan 'felling cut'.

5.5 Alat Pelindungan Diri (Personal Protective Equipment)

5.5.1 Pegawai berkenaan perlu memastikan alat pelindung diri disediakan dan warga kerja / kontraktor menggunakan peralatan keselamatan yang telah disediakan. Alat pelindung diri digunakan bagi memastikan warga kerja / kontraktor tidak mengalami sebarang kecederaan, potensi hazard, objek yang berterbangan dan hilang upaya pendengaran.

5.5.1.1 Warga kerja / kontraktor perlu menggunakan topi keselamatan yang ringan dan mempunyai saiz yang sesuai mengikut individu, dilengkapi dengan alat pelindung telinga dan penutup muka. Alat pelindung telinga diperlukan untuk mengurangkan kadar bisingan dan kecederaan pada telinga.

5.5.1.2 Topi keselamatan digunakan bagi mengelakkan kecederaan pada kepala daripada sebarang objek yang jatuh. Manakala alat pelindung muka dapat mengelakkan kecederaan daripada sebarang objek yang berterbangan pada kelajuan tinggi akibat daripada operasi mesin chain saw atau serpihan yang jatuh.

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 7.4.2024
		NO. PINDAAN : 00
PO-KKP-MBIP-038	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP, TEBANG DAN CANTAS POKOK	MUKA SURAT : 9 drp. 12

5.5.1.3 Warga kerja / kontraktor wajib untuk menggunakan cermin mata keselamatan kerana kadangkala alat penutup muka tidak dapat menjamin keselamatan pada mata.

5.5.1.4 Warga kerja / kontraktor perlu menggunakan sarung tangan (heavy duty) supaya dapat mengurangkan kecederaan pada tangan dan juga melindungi tangan semasa memegang mata rantai atau mengangkat dahan.

5.5.1.5 Penggunaan seluar keselamatan dapat mengurangkan risiko kecederaan pada bahagian kaki. Seluar keselamatan akan dapat memberhentikan pusingan rantai mesin apabila mesin terkena pada paha.

5.5.1.6 Kasut keselamatan perlu sesuai dan dilengkapi dengan alat pelindung di bahagian belakang, hadapan dan tapak kaki dan ianya akan dapat mengurangkan kecederaan akibat daripada dahan yang jatuh atau terpijak benda tajam.

5.5.1.7 Peti Pertolongan Cemas perlu sentiasa disediakan dan perlu sentiasa bersama semasa melakukan kerja lapangan. Peti Pertolongan Cemas perlu sentiasa diperiksa dan lengkap serta mengandungi alatan perubatan untuk luka kecil, '*splint*', terbakar, *antiseptics*, *insect repellent* dan gigitan ular.

5.5.1.8 Tali keselamatan perlu digunakan semasa memanjat atau menaiki *skylift*.

5.5.1.9 Gunakan pakaian kerja yang sesuai dan selesa yang telah disediakan dan jangan sesekali menggunakan pakaian yang longgar dan barang kemas.

5.6 Keracunan Karbon Monoksida

5.6.1 Mengendalikan mesin chainsaw di kawasan yang tertutup atau tidak mempunyai pengudaraan yang baik boleh mengakibatkan kematian disebabkan oleh 'asphyxiation' dan keracunan Karbon Monoksida.

5.6.2 Karbon Monoksida merupakan gas yang tidak berwarna, tiada rasa dan bau dan gas ini muncul pada saluran ekzos mesin *chainsaw*. Jangan sesekali menggunakan mesin *chainsaw* di kawasan yang tertutup atau tidak mempunyai pengudaraan yang baik.

5.7 Hilang Upaya Pendengaran

5.7.1 Mesin *chainsaw* menghasilkan bunyi bising yang amat tinggi dan berupaya untuk menyebabkan kecacatan pada pendengaran selepas terdedah kepada bunyi bising dalam tempoh yang panjang. Kakitangan

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 7.4.2024
		NO. PINDAAN : 00
PO-KKP-MBIP-038	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP, TEBANG DAN CANTAS POKOK	MUKA SURAT : 10 drp. 12

perlu memastikan alat pelindung telinga digunakan setiap kali mengendalikan mesin *chainsaw*.

- 5.7.2 Alat pelindung telinga atau 'earmuff' direkabentuk untuk mengurangkan kecederaan pada telinga dan ianya boleh juga menghalang bunyi bahagian pokok yang patah atau teriakkan amaran dari rakan sekerja. Oleh itu, warga kerja / kontraktor yang mengendalikan mesin *chainsaw* perlu sentiasa berwaspada setiap masa dan keadaan.

5.8 Kecederaan Gegaran

- 5.8.1 Penggunaan mesin *chainsaw* yang kerap boleh menyebabkan kerosakan kepada salur darah dan kerosakan pada sistem saraf akibat daripada gegaran mesin yang dihasilkan terutama di bahagian tangan, jari dan pergelangan tangan. Gejala kecederaan antaranya ialah tangan membengkak, aliran darah yang tidak normal atau mengalami 'Raynaud's Syndrome' dan 'Carpal Tunnel Syndrome'.
- 5.8.2 Sekiranya gejala atau symptoms ini muncul antara tanda-tanda awal seperti 'numbness', hilang deria rasa, pengsan, rasa kebas pada tangan, jari atau pergelangan tangan, kakitangan perlu melaporkan kepada penyelia dan berhenti daripada menggunakan mesin *chainsaw*.
- 5.8.3 Warga kerja / kontraktor perlu menjalani pemeriksaan doktor sebelum dibenarkan untuk mengendali dan menggunakan mesin *chainsaw*.
- 5.8.4 Untuk mengelakkan sebarang kecederaan akibat daripada gegaran, warga kerja / kontraktor perlu mematuhi perkara berikut:
- 5.8.4.1 Hanya menggunakan mesin *chainsaw* yang dilengkapi dengan alat penyerap gegaran.
- 5.8.4.2 Memastikan tangan dalam keadaan tidak basah supaya selesa apabila mengendalikan mesin.
- 5.8.4.3 Memakai sarung tangan keselamatan.
- 5.8.4.4 Tidak merokok.
- 5.8.4.5 Menghadkan penggunaan mesin dan gunakan secara bergilir setiap hari, dan berehat seketika.
- 5.8.4.6 Memastikan mata rantai sentiasa tajam, mata tumpul akan menyebabkan tempoh kerja yang panjang.
- 5.8.4.7 Memastikan setiap komponen tidak longgar, komponen mesin yang longgar akan menyebabkan pertambahan gegaran pada mesin.

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 7.4.2024
		NO. PINDAAN : 00
PO-KKP-MBIP-038	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP, TEBANG DAN CANTAS POKOK	MUKA SURAT : 11 drp. 12

5.8.4.8 Memastikan komponen anti-gegaran dalam keadaan baik dan berfungsi.

5.9 Objek Patah Atau Jatuh

5.9.1 Dahan jatuh atau patah boleh menyebabkan kecederaan dan kematian, sebelum memulakan kerja, warga kerja / kontraktor perlu memeriksa dahan yang reput atau dahan mati, keadaan sekeliling pokok dan pokok yang berhampiran.

5.9.2 Apabila mesin chain saw beroperasi di tahap maksimum, pusingan rantai boleh mencapai 40-50 mph, ini boleh menyebabkan objek melayang pada kelajuan tinggi seperti habuk kayu dan serpihan kayu. Ianya boleh menyebabkan kecederaan pada mata.

5.9.3 Warga kerja / kontraktor dikehendaki memakai alat keselamatan pelindung muka dan cermin mata keselamatan pada setiap masa.

5.10 Kebakaran

5.10.1 Bagi mengelakkan berlaku kebakaran, warga kerja / kontraktor perlu memastikan perkara berikut:

5.10.1.1 Memeriksa mesin daripada sebarang kebocoran minyak, memeriksa saluran minyak dan penutup minyak.

5.10.1.2 Mengisi minyak enjin di kawasan yang lapang sekurang-kurangnya 3 m dari tempat pemotongan.

5.10.1.3 Memastikan *muffler* dalam keadaan baik dan berfungsi.

5.10.1.4 Menggantikan *spark plug* dan pendawaian dalam keadaan sempurna.

5.10.1.5 Tidak merokok dan menjauhi dari punca api apabila mengisi minyak enjin.

5.10.1.6 Memastikan enjin telah sejuk sebelum mengisi minyak.

5.10.1.7 Semasa mengisi minyak buka penutup secara perlahan untuk mengurangkan sebarang tekanan.

5.10.1.8 Mengelap minyak yang tumpah sebelum menghidupkan enjin.

5.10.1.9 Memastikan terdapat alat pemadam api kebakaran berhampiran.

5.11 Bekerja Di Tempat Tinggi

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 7.4.2024
		NO. PINDAAN : 00
PO-KKP-MBIP-038	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP, TEBANG DAN CANTAS POKOK	MUKA SURAT : 12 drp. 12

5.11.1 Sekiranya melebihi 3 meter, rujuk **PO-KKP-MBIP-012: Pengurusan Kerja Di Tempat Tinggi.**

5.12 Rujuk **Syarat Khusus Tender (Sistem Pemarkahan / Dimerit) Bagi Kerja-Kerja Pembersihan dan Penyelenggaraan Landskap Di Jalan Protokol / Jalan Utama.**

6.0 RUJUKAN

6.1 Dokumen Rujukan

6.1.1 MS ISO 45001:2018

6.1.1.1 Klausu 8.1 Perancangan dan Kawalan Operasi

6.1.2 Syarat Khusus Tender (Sistem Pemarkahan / Dimerit) Bagi Kerja-Kerja Pembersihan dan Penyelenggaraan Landskap Di Jalan Protokol / Jalan Utama

6.2 Dokumen Berkaitan

6.2.1 Prosedur

6.2.1.1 PP-KKP-MBIP-003: Pengurusan Risiko dan Peluang

6.2.1.2 PP-KKP-MBIP-004: Pengenalpastian Hazard Serta Penaksiran Risiko dan Peluang

6.2.1.3 PO-KKP-MBIP-012: Pengurusan Kerja Di Tempat Tinggi

6.2.2 Borang

6.2.2.1 Tidak Berkaitan

7.0 LAMPIRAN

7.1 Tidak Berkaitan